

TOKOH TEMPATAN: DATUK HAJI WAN AHMAD WAN DAUD

Oleh: RAMLI ISMAIL

Kalau menyebut nama Datuk Haji Wan Ahmad Wan Daud, masyarakat lama Negeri Perlis sudah mengetahui siapa orang yang dimaksudkan. Mereka bukan sahaja mengenali sifat badan dan raut wajahnya, tetapi lebih mengingati tentang segala jasa dan khidmat bakti yang ditinggalkannya untuk rakyat Negeri Perlis Indera Kayangan ini.

Sebenarnya tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa Datuk Haji Wan Ahmad merupakan seorang pelopor pembangunan mental rakyat di negeri ini, baik mereka yang tinggal di kawasan dalam mahupun di luar bandar, baik yang bekerja dengan kerajaan, peniaga ataupun yang bekerja sendiri.

Beliau telah menyedarkan pemikiran rakyat di Negeri Perlis tentang pentingnya mereka menyertai pergerakan Syarikat Kerjasama. Di samping itu, Datuk Haji Wan Ahmad juga melibatkan diri bersama beberapa rakan lain dalam perkembangan ajaran sunnah wal jumaah di negeri ini, yang memegang kepada ajaran Al Quran serta hadis Nabi Muhammad selain daripada penglibatannya dalam bidang politik.

Datuk Haji Wan Ahmad dilahirkan di Kampung Guar Gajah, dekat Arau pada tahun 1890. Bapanya, Wan Duud seorang kenamaan bergelar Raja Putra Jaya, pernah menjadi Pengarah Pejabat Tanah Negeri Perlis, atau ketika itu lebih dikenali dengan panggilan "Raja Tanah".

Kalau dilihat pada geran-geran tanah lama bertulisan jawi, akan terdapat nama Wan Daud pada cap mohor geran itu.

Allahyarham Wan Daud meninggal dunia semasa isterinya sedang mengandung Datuk Wan Ahmad lapan bulan. Setelah Wan Ahmad dilahirkan, beliau dipelihara oleh abangnya yang bernama Wan Ishak, seorang pegawai di sebuah jabatan kerajaan di Kangar.

Wan Ishak mempunyai hubungan rapat dengan Raja yang memerintah Negeri Perlis ketika itu, Almarhum Syed Safi. Dengan pengaruh yang ada pada Wan Ishak, adiknya, Wan Ahmad kemudian dihantar oleh Almarhum Syed Safi belajar di Penang Free School, Pulau Pinang bersama puteranya, Almarhum Raja Syed Alwi. Turut bersama kedua mereka, Ahmad Haji Kasim atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Mat Chief, Ketua Polis Negeri Perlis yang pertama.

Setelah tamat pengajian dan lulus peperiksaan Senior Cambridge, ketiga mereka kembali ke Perlis. Di Perlis, Datuk Haji Wan Ahmad memegang tugas sebagai Hakim Mahkamah Perlis pada tahun 1912, sementara Ahmad Haji Kasim menjadi Ketua Polis Perlis.

Tidak lama kemudian, Allahyarham Syed Saffi mangkat, lalu anakanda baginda, Syed Alwi ditabal menjadi Raja Negeri Perlis Indera Kayangan.

Pada tahun 1922, Datuk Haji Wan Ahmad telah mendapat peluang dengan restu Raja Syed Alwi untuk mengikuti kursus mengenai Syarikat Kerjasama di Kuala Lumpur. Ini adalah atas kesedarannya, betapa rakyat Perlis perlu dibangunkan melalui pembangunan Syarikat Kerjasama.

Walaupun beliau memegang tugas sebagai Hakim Mahkamah Negeri merupakan suatu jawatan yang dihormati, tetapi Datuk Haji Wan Ahmad sanggup meninggalkan jawatan tersebut atas niatnya untuk berkhidmat kepada rakyat di negeri ini.

Beliau sendiri yang telah mengemukakan cadangan kepada Raja Syed Alwi untuk menubuhkan syarikat kerjasama di negeri ini. Baginya memikirkan ekonomi rakyat Perlis harus dibangunkan segera, untuk mengelak mereka harus menerima cengkaman "orang tengah".

Cadangan itu dibincangkan dengan Raja Syed Alwi dan Penasihat British di Perlis ketika itu, Sir William, yang kemudiannya mencapai persetujuan dan kata sepakat. Datuk Wan Ahmad dihantar mengikuti kursus mengenai syarikat kerjasama tersebut selama setahun.

Di tempat kursus, beliau menemui beberapa sahabat karib seperti Syed Bahaldin Syed Noh dari Selangor dan Encik Abdul Wahab Abdullah atau lebih dikenali dengan Wahab Effendi, lulusan Universiti Azhar, Mesir. Datuk Haji Wan Ahmad mengajak kedua sahabatnya datang ke Perlis membantu melaksanakan satu tugas berat yang diamanahkan kepadanya.

Sekembali sahaja beliau ke Perlis, Datuk Haji Wan Ahmad memulakan cita-citanya" untuk menubuhkan syarikat kerjasama di semua kampung di negeri ini. Pada permulaan memang terdapat sedikit sebanyak masalah dalam melaksanakan usaha itu, kerana masyarakat Perlis tersebut masih jahil mengenai Syarikat Kerjasama. Lebih-lebih lagi dengan adanya golongan "orang tengah" yang menghasut rakyat supaya jangan menyokong usaha tersebut.

Bagaimana pun, kerana usaha yang dijalankan itu merupakan suatu niat baik akhirnya beliau berjaya juga menubuhkan banyak syarikat kerjasama di kampung-kampung. Antara tempat yang paling berjaya seperti di Paya, Kuala Perlis, Behor temak, Abi, Arau, Simpang Empat dan Sanglang.

Fungsi utama syarikat tersebut adalah mengumpul wang yuran daripada penduduk luar bandar, sebagai ahli sebanyak \$1 yuran masuk, dan \$1 lagi yuran tahunan, tiap se-orang. Wang yang terkumpul itu, dikeluarkan sebagai pinjaman kepada ahli-ahli. Para ahli meminjam wang, samada untuk modal mengerjakan sawah padi, membeli tanah, persekolahan anak-anak dan berbagai keperluan lain.

Pada mulanya syarikat tersebut dijadikan syarikat berhad. Syarikat berhad membolehkan para ahli meminjam wang mengikut jumlah yurannya yang tersimpan sahaja. Bagaimana pun kemudiannya, undang-undang syarikat dipinda kepada syarikat

tidak berhad. Syarikat tidak berhad membolehkan para ahli meminjam wang lebih daripada yurannya yang tersimpan.

Sejak wujudnya syarikat kerjasama tersebut, masyarakat petani di Negeri Perlis tidak lagi tertindas oleh "oranig tengah" atau mereka yang mengamalkan "padi kunca". Petani-petani tidak perlu bergantung modal kepada ceti-ceti lagi mengerjakan sawah, kerana mereka sudah mempunyai syarikat sendiri untuk meminjam wang.

Berasas kepada syarikat kerjasama itulah, kemudiannya muncul syarikat-syarikat kerjasama yang menjalankan fungsi-fungsi lain seperti syarikat kerjasama kilang padi dan syarikat kerjasama pekan sehari atau lebih dikenali dengan panggilan "nat".

Sebagai pengasas pergerakan syarikat kerjasama di negeri Perlis, Tuanku Raja Syed Alwi telah melantik Datuk Haji Wan Ahmad menjadi Pendaftar Syarikat. Tugas beliau, memastikan setiap syarikat kerjasama di negeri ini berjalan dengan betul. Beliau juga perlu hadir dalam mesyuarat agung tahunan setiap syarikat kerjasama yang terdapat di Perlis.

Apabila usaha tersebut menampakkan kejayaan yang menggalakkan, dua tahun kemudian, Datuk Haji Wan Ahmad mengasaskan pula penubuhan syarikat kerjasama kakitangan kerajaan di negeri ini. Semua peringkat kakitangan kerajaan boleh menjadi ahli. Fungsi utama syarikat tersebut juga meminjamkan wang kepada para ahli.

Serentak dengan usahanya memperkenalkan pergerakan koperasi kepada penduduk di kawasan luar bandar, Datuk Haji Wan Ahmad juga menyulamkan bersama ajaran Islam berteraskan sunah wal-jemaah, yang memegang kepada kuran dan hadis.

Beliau bernasib baik kerana usahanya itu diberi sokongan penuh oleh Almarhum Raja Syed Alwi. Dua rakannya, Encik Abdul Wahab Abdullah dan Sheikh Abu Bakar Al-Shaari, lulusan Universiti Azhar, Mesir, dari Pulau Pinang turut membantunya untuk mengembangkan ajaran Islam tersebut.

Encik Abdul Wahab kemudian menjadi Hakim Negeri Perlis sementara Sheikh Abu Bakar pula menjadi Imam Besar Masjid Syed Alwi, Kangar. Melalui peranan yang dimainkan oleh kumpulan tersebut, bersama Allahyarham Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd. Hashim, yang menjadi Menteri Besar Perlis yang pertama, telah berjaya menghapuskan segala fahaman karut masyarakat Islam Perlis ketika itu.

Diantara amalan tersebut yang tidak di amalkan lagi hingga sekarang termasuk ajaran "mandi tian" bagi perempuan yang mengandung anak sulong, fahaman percaya kepada keramat, percaya kepada pokokpokok besar, hantu syaitan dan berbagai ajaran karut lagi.

Ajaran sunnah Wal-Jumaah kemudian telah diserapkan sebagai sebahagian daripada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Ini merupakan suatu jasa yang akan berkekalan dikenangi oleh rakyat negeri Perlis khususnya, dan negara umumnya.

Sebagai mengenang segala jasa Datuk Wan Ahmad tersebut, di samping kepercayaan yang diberikan, beliau telah dilantik menjadi Pengiring kepada Almarhum Raja Syed Alwi atau lebih dikenali dengan panggilan kepada Almarhum ADC, sehinggalah baginda mangkat pada tahun 1943.

Selepas kemangkatan Raja Syed Alwi, dalam pemerintahan Jepun, adik baginda, Syed Hamzah pula ditabal menjadi Raja Perlis, oleh pihak pemerintah Jepun. Bagaimanapun, jawatan Pengiring sudah tidak ada lagi, dan Datuk Haji Wan Ahmad merupakan Pengiring terakhir. Jawatan Pengiring Raja hanya dipegang oleh dua orang sahaja. Pertama, Syed Hassan, ayahanda kepada Raja Perlis sekarang. Selepas kemangkatan Syed Hassanlah, Datuk Haji Wan Ahmad mengambil alih tugas.

Dalam masa pemerintahan Jepun, pergerakan koperasi dan syarikat kerjasama dihentikan sama sekali. Baik syarikat di kampung-kampung, mahupun syarikat kakitangan kerajaan, semuanya ditutup. Ekoran dari itu, Datuk Haji Wan Ahmad terpaksa berhenti kerja.

Bagi menyara isteri dan lapan orang anaknya, Datuk Haji Wan Ahmad terpaksa menjalankan kerja-kerja sendiri. Di antara kerja yang dijalankannya termasuk memelihara lembu susu di belakang rumahnya di Pengkalan Asam, Kangar. Beliau juga menjalankan perniagaan berkedai runcit. Kedai dibuka di bawah rumahnya sendiri.

Apabila Jepun menyerah kalah, Datuk Haji Wan Ahmad kembali bertugas sebagai pendaftar syarikat kerjasama, berpejabat di Kangar sehinggalah beliau bersara pada tahun 1949.

Persaraannya tidak bererti beliau benar-benar bersara dan merihatkan diri. Sebaliknya, Datuk Haji Wan Ahmad terus melibatkan diri dalam bidang kemasyarakatan melalui kegiatan politik. Beliau menyertai UMNO dan merupakan salah seorang daripada Wakil Rakyat Negeri Perlis yang pertama selepas pilihanraya tahun 1956.

Selepas menang pilihanraya bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Paya, beliau mendapat undi majoriti untuk menjadi Menteri Besar Perlis yang pertama. Bagaimanapun, beliau menolak tawaran itu, dan diserahkannya pula kepada Allahyarham Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd. Hashim, Selepas satu penggal menjadi Wakil Rakyat, beliau dilantik pula menjadi Ahli Dewan Negara, juga selama satu penggal.

Sepanjang masa penglibatannya dalam politik, beliau telah banyak memainkan peranan, memberi kesedaran kepada rakyat supaya sentiasa berusaha untuk mencapai kemajuan, dalam mengisi kemerdekaan negara yang sudah pun dicapai.

Datuk Haji Wan Ahmad meninggal dunia pada tahun 1971, dalam usia yang sudah menjangkau 92 tahun. Sebuah sekolah dan sebatang jalan telah diabadikan dengan namanya. Sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Datuk Wan Ahmad, Kangar dan Jalan Datuk Wan Ahmad, Pengkalan Asam, jalan yang melalui hadapan rumahnya.

Rumahnya itu, adalah satu peninggalan peribadinya yang paling unik. Rumah tersebut dibina dari bahan kayu, bewarna-warni dan sungguh antik. Datuk Haji Wan Ahmad membelanjakan sebanyak \$6,000 bagi mendirikan rumah itu pada tahun 1925 lalu.

Tiang untuk membuat rumah tersebut dibelah batang kayu besar. Kerja-kerja membelah batang kayu dijalankan oleh seorang keturunan Thai yang dipanggil Long

Ki. Sementara rumah pula dibina oleh tukang rumah tempatan bernama Ah Wei dan Pak Mat Pelekat, Behor Temak. Ia mengambil masa lapan tahun untuk disiapkan.

Rumah berkenaan masih dapat dilihat hingga sekarang. Kini ia diduduki oleh anak-anak dan cucunya. Memandang kepada keunikan seni binanya, rumah tersebut sering menjadi tumpuan siapa sahaja yang melalui Jalan Datuk Wan Ahmad di Pengkalan Asam. Bagi orang-orang tua, sudah tentu mereka akan terkenang semula segala jasa dan pengorbanan yang pernah dimainkan oleh Datuk Haji Wan Ahmad semasa hayatnya dahulu. Semoga Allah mencucuri rohnya. Amin.



Allahyarham Datuk Haji Wan Ahmad Wan Daud



Inilah rumah antik kepunyaan Allahyarham Datuk Wan Ahmad di Pengkalan Asam Kangar yang menjadi pusat kegiatan sukarelanya untuk kepentingan rakyat Perlis.